

26 SEPTEMBER 2017

Sindiket edar syabu, ekstasi terbesar di Sarawak tumpas

Sindiket edar syabu, ekstasi terbesar di Sarawak tumpas

KUCHING 25 Sept. - Polis Sarawak membongkar taktik licik sindiket proses dan edar dadah terbesar di Sarawak bernilai RM3.4 juta disorok di dalam bungkusan teh herba Cina di sebuah rumah di Stutong di sini, Khamis lalu.

Dalam serbuan kira-kira pukul 1.30 petang itu, dadah disyaki jenis syabu seberat 11.6 kilogram (kg) dan 993 biji pil ekstasi itu ditemukan di dalam sebuah akuarium dan dua lelaki berusia 27 tahun ditahan.

Timbalan Pesuruhjaya Polis negeri, Datuk Mohd. Dzuraidi Ibrahim berkata, kedua-dua suspek ditahan dalam serbuan yang dijalankan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), Ibu pejabat Polis Kontinen (IPK) dan Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN), Ibu pejabat Polis Daerah (IPD), hasil maklumat awam serta intipan sejak awal tahun ini.

"Siasatan awal mendapat sindiket terbabit bergiat aktif memproses dan mengedar dadah di pelbagai lokasi di sekitar negeri ini sejak sembilan bulan lalu.

"Menerusi kejayaan tangkapan dan rampasan ini, kita percaya telah melumpuhkan sindiket pengedaran dadah disyaki jenis syabu terbesar di Sarawak setakat ini," katanya dalam sidang akhbar di Bilik Media IPK di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua JSJN negeri, Superintenden Sahar Abdul Latif.

Mengulas lanjut Mohd. Dzuraidi berkata, berdasarkan siasatan awal, kedua-dua suspek diperlakukan dengan baik dan diperoleh bekalan dadah itu dari luar negara sebelum diproses dan diedar untuk pasaran tempatan dan luar negeri.

"Bagaimanapun, polis sedang mengumpul maklumat lanjut bagaimana dan dari mana bekalan dadah itu diperoleh.

"Kedua-dua suspek kini direman bermula 21 hingga 29 September ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya yang membawa hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan," ujarnya.